



JKSM /100-24/5 Jld. 3 ( 54 )

13 Rabiulawwal, 1427H/  
12 April, 2006M

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah Syariah / Jabatan Kehakiman Syariah,  
Negeri-negeri Seluruh Malaysia


Arahan Amalan No. 4 Tahun 2006  
Perintah Perjanjian Persetujuan Sulh

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2006 pada 12 hingga 14 April, 2006 bersamaan 13 hingga 15 Rabiulawwal, 1427H di Shah Alam, Selangor yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan bahawa mana-mana perjanjian persetujuan Sulh tidak boleh dilaksanakan atau dikuatkuasakan tanpa terlebih dahulu memperolehi perintah Mahkamah.

2. Jika kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan tindakan itu, keseluruhan atau sebahagian, Pengerusi Majlis Sulh hendaklah menyediakan draf persetujuan dan mengemukakannya kepada pihak-pihak untuk disahkan dan ditandatangani, selepas itu Pengerusi hendaklah menyampaikan draf persetujuan tersebut kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai penghakiman persetujuan.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun, 2006.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



(DATUK SHEIKH GHAZALI BIN HJ. AB. RAHMAN)

Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

*Azmaa4/2006/*